

**KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN PENGURUSAN HARTANAH  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA**

**TAJUK:**

**PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PROJEK  
PERINGKAT PRA-PEMBINAAN**

**KES KAJIAN:**

**KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI  
DAERAH KUALA MUDA, KEDAH**

**Satu projek yang disediakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda  
(kepujian) Pengurusan Hartanah**

**DISEDIAKAN OLEH: ISHAK BIN WAHAB  
MEI 1997**

## **MAKLUMAN**

KAJIAN PROJEK TAHUN AKHIR INI ADALAH MERUPAKAN HASIL  
DAYA USAHA PENYELIDIKAN PERIBADI PENULIS SENDIRI.

SEGALA KELEMAHAN , KEKURANGAN DALAM PENULISAN INI  
HENDAKLAH DIANGGAP SEBAGAI SUATU PERKARA YANG TIDAK  
BOLEH DIELAKKAN.

SEKIAN TERIMA KASIH

---

(ISHAK BIN WAHAB)

JABATAN PENGURUSAN HARTANAH,  
KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR,  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA,  
SHAH ALAM, SELANGOR.

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah kehazrat ALLAH swt kerana dengan izin, hidayat dan petunjukNya di dalam menulis dan menyiapkan penulisan projek tahun akhir ini. Disamping itu ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr Zainal Mohd Saad dan Puan Sariah Ibrahim yang telah menyelaras dan memberikan banyak tunjuk ajar dalam menjayakan projek tahun akhir ini.

Ucapan terima kasih ini juga dihulurkan kepada Puan Siti Maryam, Encik Ngah Embong, Puan Haspalela dan Encik Azmi Latif yang banyak memberikan panduan dan teguran semasa penyediaan projek ini.

Rakaman setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Iaitu pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta Cawangan Sungai Petani, Pejabat Tanah Daerah Kuala Muda, Pemaju-pemaju Perumahan di bandar Sungai Petani dan Ir.Tuan Haji Soderi Ariffin yang sanggup meluangkan masa untuk memberikan maklumat yang berguna kepada saya.

Akhir sekali penghargaan yang tidak terhingga buat isteri dan anak-anak tersayang kerana memberi semangat dalam penyediaan projek ini. Disamping itu penghargaan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi semangat dan idea sepanjang penulisan ini. Semoga Allah jua yang akan membalas jasa baik kalian. Wassalam...

Ishak Bin Wahab  
15, Taman Dahlia, 08000  
Sungai Petani, Kedah.



**RINGKASAN  
PROJEK**

## **RINGKASAN PROJEK**

### **Pengenalan**

Faktor politik dan keamanan negara telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara yang begitu pesat. Dari kepesatan ekonomi ini telah mewujudkan peluang-peluang pembangunan disektor pembinaan yang boleh mendatangkan pulangan yang lumayan kepada pelabur. Jika dilihat rata-rata projek pembangunan diwujudkan tidak kira samada projek besar, sederhana ataupun yang kecil. Namun demikian dalam memikirkan kerancakkan pembangunan ini dapatlah dilihat apakah faktor yang begitu penting yang harus dititik beratkan dalam menjayakan sesebuah organisasi pembangunan tersebut.

Pembabitan dalam pengurusan dan perancangan adalah antara antara faktor penting bagi melancarkan perjalanan projek disamping dapat menemukan pulangan yang optima kepada pelabur. Perancangan yang diperkatakan adalah dari peringkat awal sebelum pembinaan, peringkat pembinaan dan peringkat siap.

Kajian ini akan cuba mengupas secara terperinci tentang pengurusan dan perancangan projek diperingkat sebelum pembinaan ataupun peringkat pra pembinaan. Ianya akan meneliti tentang aspek perancangan dan pengurusan diperingkat pre rekabentuk, rekabentuk, perancangan dan pengurusan.